

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KETWO, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEDUA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 22 Jun 2009

SOALAN

YB Puan Chong Eng (Bukit Mertajam) minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan status pelaksanaan 30 peratus pembuat keputusan wanita dalam pentadbiran Kerajaan. Sila nyatakan statistik penglibatan wanita di setiap peringkat dan tempoh sasaran untuk mencapai angka 30 peratus.

JAWAPAN

Kerajaan telah mengumumkan Dasar Sekurang-kurangnya 30 Peratus Penyertaan Wanita di Peringkat Pembuat Keputusan di Sektor Awam pada 24 Ogos 2004. Sejak pelaksanaan Dasar ini, kemajuan dan perkembangan yang memberangsangkan telah dapat dilihat khususnya dalam jangka masa Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9). Bilangan wanita yang menyandang jawatan utama sektor awam (JUSA) meningkat daripada 18.8 peratus pada tahun 2004 kepada 22.8 peratus pada tahun 2008. Bilangan wanita yang memegang jawatan peringkat pengurusan tertinggi di badan berkanun turut menunjukkan perkembangan yang baik di mana peratusan wanita terus meningkat daripada 17.8 peratus pada tahun 2004 kepada 21.3 peratus pada tahun 2008. Jawatan Naib Canselor yang dahulunya didominasi oleh golongan lelaki kini telah disandang oleh wanita di mana dua orang wanita telah dilantik sebagai Naib Canselor universiti awam iaitu Universiti Kebangsaan Malaysia dan Universiti Pendidikan Sultan Idris. Pelantikan mereka ini merupakan peningkatan daripada peratus sifar pada tahun 2004 kepada 10.0 peratus pada tahun 2008. Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah menetapkan bahawa sasaran 30 peratus wanita di peringkat pembuat keputusan di sektor awam dapat dicapai pada penghujung tahun 2012. Penetapan ini dibuat berdasarkan kepada bilangan pegawai wanita yang berada di peringkat pengurusan pertengahan (Gred 48 hingga 54) pada tahun 2008 telah mencapai 41.8 peratus. Pegawai-pegawai ini dijangka dapat dinaikkan ke peringkat JUSA dalam masa terdekat.

Jawapan Disediakan Oleh:- 1) Nama : Puan Nurulhuda Ismail 2) Jawatan : Penolong Setiausaha 3) Bahagian : Dasar (Pembangunan Wanita dan Keluarga) 4) No. Tel : 03-26904045

Jawapan Disemak Oleh Bahagian:- 1) Nama : Cik Zuraidah Amiruddin 2) Jawatan : Timbalan Setiausaha Bahagian (DWK) 3) Bahagian : Dasar Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat 4) No. Tel : 03-26904025

Jawapan Diperakukan Oleh Bahagian:- 1) Nama : Encik Harjeet Singh 2) Jawatan : Setiausaha Bahagian Dasar Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

Jawapan Diluluskan Oleh Kementerian:- 1) Nama : Tan Sri Faizah Mohd Tahir 2) Jawatan : Ketua Setiausaha

